

Prinsip 7K diguna pakai dalam Anugerah Skrin

Juri kategori drama guna kaedah pemarkahan sistematik, telus dan profesional

Oleh Zainuri Misfar

SEMUA keputusan, terutama kategori Drama dalam Anugerah Skrin ke-9 yang berlangsung pada Jumaat ini, adalah adil dan telus kerana semua juri yang dilantik berpegang kepada prinsip tujuh 'K'.

Prinsip itu ialah Keikhlasan, Kejujuran, Kesepakatan, Kerahsiaan, Ketelusan, Kepatuhan dan Keseragamah. Kesemua prinsip itu menjadi etika kepada setiap juri dengan membuat penilaian sesuatu karya tanpa mengambil kira atau tidak mempedulikan dari mana sumbernya.

Dalam penjurian kali ini, barisan juri juga diberi kebebasan untuk memilih semua calon yang ditetapkan iaitu dari Drama Terbaik hingga kepada Pelakon Terbaik kerana stesen televisyen tidak menyenaraikan barisan pelakon yang dicadangkan untuk merebut kategori itu.

Ketua Juri Kategori Drama Anugerah Skrin ke-9, Profesor Dr Naim Ahmad berkata, tugas juri ialah menilai kandungan sesebuah drama berdasarkan kriteria yang sudah ditetapkan secara bebas dan adil, iaitu tidak dipengaruhi atau terpengaruh daripada mana-mana pihak.

"Semua juri tidak peduli sumber itu dari mana atau disiarkan di stesen TV mana. Mereka membuat penjurian dengan prinsip 7K. Sebagai ketua juri, saya sudah menyediakan format yang mudah untuk diikuti oleh anggota juri lain," katanya.

Sebagai bekas penyiar, khususnya penerbitan drama TV selain ahli akademik, Dr Naim yang kini bertugas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sudah lapan kali dipilih oleh TV3 untuk menjadi juri Anugerah Skrin.

Sebagai juri berpengalaman, beliau turut mencipta formula penjurian tersendiri yang diterima pakai oleh penganjur festival atau anugerah besar negara seperti Festival Filem Malaysia, Anugerah Seri Angkasa RTM dan Anugerah Media Islam anjuran Jabatan Kefahaman Islam Malaysia (Jakim).

Berhubungan dengan penentuan pelakon terbaik, beliau menjelaskan,

digunakan.

"Antara sistem nilai yang dibuat secara subjektif ialah sistem naratif seperti cemerlang, amat baik, baik, sederhana dan lemah. Sistem abjad iaitu ABCD dan sistem bintang, dari satu hingga lima bintang.

"Semua sistem ini dapat dikatakan bersifat subjektif dan kalau ia dapat dipindahkan dalam bentuk angka pula, angka-angka itu tidak mungkin memberikan angka yang sama, malah mungkin memperlihatkan perbezaan jarak nilai angkanya," katanya.

Sehubungan itu, bagi Anugerah Skrin ini, Dr Naim berkata, beliau lebih gemar mencadangkan menggunakan sistem skala Likert 5 mata kerana ia dianggap lebih tepat dan memberikan ukuran sehingga kepada dua atau tiga angka selepas titik permulaan yang disebut sebagai angka 'decimal'.

Sistem 'Likert 5 mata' adalah bersamaan 100 peratus dan setiap satu mata 'likert' bersamaan 20 peratus. Kaedah pindahan ini dapat dibuat dengan cara angka peraturan dibahagi dengan lima akan menjadikan 'likert' dan sebaliknya mata 'likert' didarabkan

dengan 20 akan menjadi peratusan.

"Sistem peratusan digunakan untuk tujuan penjurian terutama di peringkat awal pengisian borang penilai oleh juri," katanya.

Proses ketiga adalah memberi nilai angka untuk setiap ciri yang dinilai, seterusnya pada proses keempat, bagaimana angka yang diberikan oleh penilai diproses.

Dr Naim yakin dengan menggunakan formula yang diciptanya itu, tiada sebarang kontroversi timbul apabila keputusan semua pemenang dalam Anugerah Skrin diumumkan kelak.

"Sebenarnya dengan sistem atau formula yang saya buat itu, kita boleh mengesan juri yang lebih cenderung kepada sesuatu drama. Kalau ada yang berbuat demikian, kita akan bertanya kepada juri itu mengapa dia memberikan markah yang tinggi berbanding dengan purata markah daripada juri lain. Dan juri ini kenalah berhujah.

"Setakat ini jarang berlaku.

Kebanyakan juri yang menggunakan sistem ini mengakui sistem yang saya perkenalkan lebih mudah difahami. Lagipun dengan kaedah ini juga turut diperakui



Sistematik: Dr Naim menunjukkan contoh atau kaedah penjurian yang digunakan dalam Anugerah Skrin.

oleh juru audit. Kita kena ingat, semua keputusan dan pemarkahan dalam Anugerah Skrin diperiksa oleh juru audit terlebih dahulu sebelum diumumkan," katanya.

Kategori Drama dalam Anugerah Skrin ke-9 menyenaraikan 16 telefilem yang pernah disiarkan oleh RTM1, RTM2, TV3, Astro Ria, ntv7 dan TV9. Tujuh tujuh lagi disenaraikan dalam kategori Drama Rantaian atau episod iaitu *Kerana Dosa Kelmarin*, *Janji Diana*, *Susuk*, *Seputeh Qaseh Ramadan*, *Emil Emilda*, *Susuk* dan

Cinta Medik. Anugerah Skrin ke-9 juga menyenaraikan lima drama komedi bersiri iaitu *Pak Tam Masuk Kondo*, *Keluarga Adam*, *Puteri SS8*, *Fara* dan

Kategori drama menyediakan sembilan anugerah iaitu Drama Terbaik, Pelakon Lelaki Drama Terbaik, Pelakon Wanita Drama Terbaik, Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Drama, Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Drama, Pengarah Terbaik Drama, Lakon TV Terbaik, Drama Rantaian Terbaik dan Drama Komedi Terbaik.

Di tanya senarai lima drama dan calon lain yang berjaya ke pusingan kedua, Dr Naim berkata, beliau akan melanggar etikanya sebagai seorang juri jika mengumumkan atau membocorkan senarai itu.

"Ia sudah ada dan kita sudah serahkan kepada penganjur iaitu TV3. Terpulanglah kepada TV3 hendak mengumumkannya atau tidak senarai itu. Tugas kita sebagai juri, yang diberi tanggungjawab untuk memilih dan menilai karya yang layak untuk diberikan anugerah," jelasnya.



“ Kebanyakan juri yang menggunakan sistem ini mengakui sistem yang saya perkenalkan lebih mudah difahami. Lagipun dengan kaedah ini juga turut diperakui oleh juru audit”

Dr Naim Ahmad

Ketua Juri Kategori Drama Anugerah Skrin ke-9

tugas ini memang agak mencabar barisan juri kerana paling rumit adalah untuk menentukan pelakon pembantu terbaik drama.

“Kalau pelakon terbaik drama, kita boleh agak yang mana calon sesuai. Tapi kalau pelakon pembantu terbaik drama yang sukar kerana semua pelakon memang memberi peranan yang baik. Sistem yang saya gunakan ialah semua juri mencalonkan nama pelakon terbabit.

“Proses berikutnya ialah kita tengok nama pelakon yang mendapat pilihan majoriti daripada barisan juri,” katanya.

Dalam penjurian kali ini, kaedah yang digunakan oleh Dr Naim ialah dengan memperkenalkan lima proses untuk membentuk ukuran dan penilaian sesuatu karya, sama ada filem atau drama.

Proses pertama, menentukan ciri-ciri yang akan dilihat dan dinilai. Ciri ini menjadi inti atau tunjang yang membentuk sifat sesebuah filem atau aspek tertentu sebagai memiliki ‘tahap baik atau mutu seni tertentu’. Misalnya, untuk menentukan ciri Drama Terbaik, panduan atau penilaiannya dilihat dari aspek cerita, drama iaitu penggunaan unsur dan struktur drama yang baik, aspek pengarahan dan lakonan, videografi dan penyuntingan, teknikal iaitu bunyi, muzik, cahaya dan kesan khas, aspek pengarahan seni dan keseluruhan persembahan.

Ini diikuti dengan proses kedua, iaitu menentukan sistem pengukuran yang